



KELAB DUTA RIMBA

KUARTER PENDIDIKAN GURU, BLOK C-4-3 JALAN ATINAHAPPAN,
TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
AKTA PERTUBUHAN 1996 (PPM-023-14-05112014)
H/P 016-3333534. Website: www.jungleambassador.org
Email : jungleambassador@outlook.com

Ruj. Tuan : JAKL 200-/1/19 (178)
Tarikh : 19 OGOS 2019

**Pengetua/Guru Besar
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah**

Tuan,

**JEMPUTAN PELIBATAN MURID DAN GURU PASUKAN BADAN BERUNIFORM DALAM PROGRAM
PERTANDINGAN DAN SAMBUTAN WORLD ENVIRONMENT DAY 2019 SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk surat KPM bertarikh 31 JULAI 2019 JLD KPM 600-4/2/16 pihak kami telah menerima surat kelulusan menjalankan program seperti di atas. Surat permohonan kebenaran juga telah dibuat melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Penyertaan program ini dibuka kepada murid sekolah rendah tahap 2 dan murid sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5. Sehubungan itu pihak kami ingin memohon jasa baik pihak tuan dapat memberi perhatian kepada perkara di atas.

3. Berikut disertakan butiran program tersebut :

Tarikh : 18 SEPTEMBER 2019 (RABU)
Masa : 7.30 pagi hingga 3.00 petang
Tempat : Pusat Sains Negara, Persiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Bayaran : RM50.00 seorang murid dan RM20.00 seorang guru pengiring
(termasuk sarapan, makan tengah hari, minum petang, sijil penyertaan, sijil pencapaian, lencana program dan sebagainya. Bayaran bagi guru pengiring untuk makan minum dan sijil penghargaan sahaja.
Bilangan Murid : Setiap satu kumpulan terdiri tiga orang murid sahaja. (Boleh hantar lebih dari satu kumpulan.) Setiap kumpulan wajib ada sekurang-kurang satu telefon pintar atau Tab bersama internet.
Pakaian : Pakaian Sukan

4. Sijil penyertaan dan sijil pencapaian akan dihantar ke sekolah masing-masing setelah permohonan kelayakan program ini samada peringkat antarabangsa/kebangsaan/negeri mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Untuk makluman salinan kertas kerja, surat kelulusan KPM, surat kebenaran ibu bapa, surat jemputan sekolah boleh dimuat turun melalui pautan di bawah dan pendaftaran guru pengiring dan murid yang berminat boleh dibuat melalui **pendaftaran secara online pada www.jungleambassador.org/wed**. Tarikh tutup pendaftaran pada 6 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT). Sebarang pertanyaan boleh hubungi Cikgu S. Ganesan di talian 0163333534/ Jun- 0162208024.

Kerjasama pihak tuan amat dihargai dan semoga program ini mendapat memberi kesan yang positif kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(GANESAN S. SITRAMBARAM)

Presiden Kelab Duta Rimba@Jungle Ambassador
Kuala Lumpur.